

# Sesak 10 kilometer 2 bas kemalangan

Metro 14/11/12 MS28

FOTO | Iqmal Haqim dan Amirul nubi

**NILAI:** Pengguna lebuhraya mengalami keutara terpaksa menempuh kesesakan sepanjang kira-kira 10 kilometer apabila dua bas ekspres terbabit kemalangan di Kilometer 275, Lebuhraya Utara-Selatan, dekat sini, petang semalam.

Bagaimanapun, kejadian kira-kira jam 2.40 petang itu tidak membabitkan sebarang kecederaan atau kemalangan jiwa.

Tinjauan mendapati kesesakan turut berlaku di kedua-dua arah apabila sebahagian pengguna lebuhraya memperlambatkan kenderaan untuk melihat kejadian.

Begitupun, kecekapan pihak berkuasa termasuk anggota polis trafik dan peronda lebuhraya berjaya mengawal lalu lintas, sekali gus kesesakan hanya berlaku kira-kira 12 minit sebelum bas ekspres yang melintang dialihkan dan trafik beransur lancar.

Sementara itu, seramai 25 penumpang menempuh detik memecahkan apabila bas ekspres dinaiki hilang kawalan dan melintang di tengah jalan di tempat kejadian.

Menurut seorang pemandu bas yang enggan dikenali berusia 20-an, ketika kejadian dia yang mengekori bas ekspres berkenaan terkejut melihat ia melintang di tengah jalan dipercayai gagal dikawal.

"Saya terus menekan brek bagi mengelak merempuh bas itu, sebelum bas dipandu terbabas ke dalam longkang dan terbalik.

"Syukur tiada yang cedera,



**TERBABAS  
...keadaan  
bas ekspres  
yang  
terbabit  
kemalangan.**

bagaimanapun, jika saya merempuh bas pertama itu, berkemungkinan ada nyawa penumpang akan melayang," katanya ketika ditemui di tempat kejadian, di sini, semalam.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Nilai, Superintendan Mohd Yusoff Awang berkata, bas yang melintang di tengah jalan itu dipercayai dari arah Pontian, Johor untuk ke Terminal Bersepadu Selatan (BTS), di ibu negara sebelum hilang kawalan.

"Bas yang dinaiki 25 penumpang itu kemudian melanggar besi penghadang lebuhraya sebelum melintang di tengah jalan menyebabkan bas kedua terpaksa membrek kecemasan.

"Akibatnya, bas kedua ter-

balik memasuki longkang dan tiada sebarang kecederaan dilaporkan berlaku berikutan ketika kejadian, tiada penumpang dalam bas dari Singapura ke Pantai Remis, Perak itu," katanya.

Katanya, bagaimanapun, kemalangan itu menyebabkan kesesakan di kedua-dua arah lebuhraya apabila semua pengguna mengambil kesempatan untuk melihat kejadian itu.

"Kita sudah mengambil keterangan kedua-dua pemandu dan siasatan sedang dijalankan untuk mengetahui punca kemalangan.

"Saksi kejadian diminta tampil di balai berhampiran atau menghubungi Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Nilai di talian 06-7991222 bagi membantu siasatan," katanya.